

UMSKAL sedia pertahankan kejuaraan

UB 23.1.2014 A14

LABUAN : Kontinjen Universiti Malaysia Sabah, Kampung Antarabangsa Labuan (UMSKAL) bersedia mempertahankan kejuaraan Kejohanan Sukan Staf UMS ke-14 pada tahun ini.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata, kemenangan yang dicapai pada

tahun lalu boleh diperolehi sekali lagi pada tahun ini dengan syarat semua atlet menunjukkan akhir terbaik pada edisi ke-14 hujung minggu ini.

Katanya, jika semua atlet menunjukkan mutu permainan yang berkualiti dengan tahap disiplin yang tinggi, beliau

yakin kejuaraan Sukan Staf 2013 mampu dikekalkan di bumi Wilayah Persekutuan Labuan.

“Dengan gandingan pemain lama dan baharu serta disiplin yang tinggi, saya yakin dan percaya kejuaraan pada Sukan Staf 2013 mampu dikekalkan pada tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap menyampaikan amanat dan penyerahan bendera Kontinjen 1KAL di Tingkat 11, Bangunan Menara, UMSKAL, kelmarin.

Pada majlis itu, Ismail menyerahkan bendera kontinjen 1KAL kepada Pegawai Belia dan Sukan



ISMAIL (duduk empat kanan) bersama atlet UMSKAL yang akan beraksi di Kejohanan Sukan Staf UMS Fasa 1 2014.



ISMAIL (dua kiri) menyerahkan bendera Kontinjen 1KAL kepada Gabriel sambil diperhatikan dari kiri Ag Asri, Geoffrey, Syed Nasirin dan Zamri (kanan).

UMSKAL, Gabriel Moinjil.

Seramai 100 atlet akan membawa cabaran kontinjen 1KAL mengharungi lapan acara sukan iaitu bola sepak pantai lelaki dan wanita, kayak, bola tampar wanita, dart, badminton, sepaktakraw, catur dan golf yang akan diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan pada 24 hingga 26 Januari ini.

Selain 1KAL, Kejohanan Sukan Staf UMS Fasa 1 akan disertai kira-kira 800 atlet yang mewakili kontinjen Royal Esteem, D'Arts, Hercules,

Twin Tower, D'Six, SPL Eagles dan Science United.

Ismail berkata, semua acara akan berlangsung di sekitar kampus UMSKAL kecuali sepak takraw di gelanggang sepak takraw Jabatan Belia dan Sukan Labuan dan golf di Padang Golf Labuan.

Beliau menasihatkan semua atlet supaya menjaga disiplin bukan sahaja ketika bermain tetapi juga sebelum dan selepas menyertai kejohanan.

“Saya yakin melalui Sukan Staf itu hubungan baik yang

sedia terjalin antara warga UMS akan berterusan dan berkekalan. Jangan lakukan perbuatan yang boleh menjelaskan nama baik universiti,” katanya.

Ismail mahu atlet UMSKAL menjadikan Sukan Staf UMS 2014 sebagai medan untuk menunjukkan bakat dan kebolehan untuk mewakili UMS ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada masa akan datang.

Beliau turut mengingatkan staf UMSKAL supaya tidak menunggu Sukan Staf untuk menjalani latihan atau beriadah tetapi melakukannya pada sekali dalam seminggu dengan menggunakan kemudahan sukan yang disediakan.

Kejohanan Sukan UMS 2014 akan dirasmikan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah pada 24 Januari bermula pukul 7 malam di Dewan Utama UMSKAL.

UMSKAL akan menjadi tuan rumah Kejohanan Sukan Staf Fasa 1 pada 24 hingga 26 Januari ini manakala Fasa 2 akan diadakan di UMS Kota Kinabalu pada 13 hingga 17 Februari depan.